

▼16/12/21-10MST
CNS223.7
u GB 16-12 00183BB258
bah

Mahathir - Umno
UMNO AKAN JUMPA RAJA-RAJA UNTUK DAPAT PERSETUJUAN

JOHOR BAHRU, 16 Dis (Bernama) -- UMNO akan menemui semua sultan dan raja untuk menjelaskan mengenai pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja dan seterusnya mendapat persetujuan mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata UMNO bagaimanapun belum memutuskan cara bagaimana pertemuan itu hendak diadakan, sama ada perjumpaan secara berasingan atau sebaliknya.

Beliau berkata UMNO juga belum menetapkan sama ada pertemuan berkenaan hendak dilakukan sebelum atau selepas persidangan khas mengenai pindaan tersebut dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara, yang dijadualkan pada 18, 19 dan 20 Januari.

+Ada pendapat yang mengatakan bahawa kita harus mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja dan pada mesyuarat itu dikemukakan pindaan yang dicadangkan dan mendapat persetujuan mereka dan selepas itu dibawa ke Parlimen.

+Ada juga pihak yang berpendapat kita boleh membawa ke Parlimen lebih dulu dan kita akan pertimbang yang mana satu,+ katanya.

Beliau menambah kata, mesyuarat kabinet hari ini juga belum memutuskan perkara itu. -- Lagi

▼16/12/20-19MST
CNS2261
R GB 16-12 00155 BB266
bah

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Johor Baharu

Semasa bercakap pada persidangan akhbar, Dr Mahathir juga berkata perkara-perkara yang melibatkan negeri akan dikendalikan oleh Kerajaan Negeri masing-masing manakala perbuatan yang membabitkan jenayah adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat.

Semasa ditanya apakah ada sultan atau raja yang telah memberi sokongan terhadap cadangan pindaan itu, beliau berkata, Sultan Selangor telah menyatakan sokongan baginda dan ada Raja lain yang secara tidak langsung turut menyatakan sokongan terhadap cadangan tersebut.

Ketika ditanya mengapa hanya sekarang beliau hendak mengambil tindakan untuk menghapuskan kekebalan Raja, beliau berkata, langkah itu terpaksa diambil kerana sentimen rakyat keseluruhan yang mahukan perubahan kerana perbuatan +memukul rakyat+ tidak lagi boleh diterima pada masa kini.

+Selaku pemimpin negara demokrasi yang dipilih rakyat, adalah menjadi tanggung jawab saya untuk menggambarkan pandangan dan kehendak rakyat. Secara amnya, apa yang dilakukan itu telah mendapat sokongan majoriti semua orang,+ katanya. -- Bernama

▼16/12/21-12MST